

SOALAN NO: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' SERI TIONG KING SING

TARIKH: 19 MEI 2016

SOALAN:

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan:-

- (a) adakah pihak Kementerian mempunyai polisi tertentu bagi memastikan setiap pekerja Malaysia yang bekerja di luar negara diwajibkan berdaftar diri dahulu di pejabat Kedutaan/Konsulat Malaysia di tempat mereka bekerja terlebih dahulu; dan
- (b) berapa banyak kah rakyat Malaysia yang telah bekerja di luar negara yang telah berbuat demikian dan berapa banyakkah yang belum atau yang gagal berbuat demikian (anggaran jumlah).

PR-1342-L75540

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai polisi tertentu dalam mewajibkan warganegara Malaysia yang bekerja di luar negara untuk berdaftar diri dengan pihak Kedutaan / Konsulat Malaysia.
2. Walau bagaimanapun, warganegara Malaysia yang melancong atau menetap di luar negara sentiasa digalakkan oleh Kementerian Luar Negeri untuk mendaftarkan diri dengan Pejabat Kedutaan / Konsulat Malaysia di luar negara. Tindakan ini memudahkan pihak Kedutaan untuk mengenal pasti jumlah warganegara Malaysia yang berada di bawah seliaan Kedutaan serta melicinkan proses bagi menghulurkan bantuan konsular sekiranya perkara yang tidak diinginkan berlaku.
3. Bagi sesetengah negara yang mengamalkan *Privacy Act* atau *Client Confidentiality* dengan izin, pihak Kedutaan / Konsulat Malaysia di negara tersebut mempunyai kesukaran dalam menghulurkan bantuan konsular dalam sesetengah kes oleh kerana implimentasi akta ini. Pihak berkuasa tempatan tidak akan memaklumkan sebarang maklumat peribadi melainkan dengan keizinan individu tersebut.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 (Akta 246) memperuntukkan mana-mana Agensi Pekerjaan Swasta (APS) yang berhasrat untuk mengambil pekerja tempatan bekerja di luar negara perlu mendapatkan kebenaran endorsan daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Kerja. APS dikehendaki mengemukakan kepada JTK melalui laporan bulanan bilangan pekerja tempatan yang dihantar ke luar negara berserta maklumat berkaitan pekerja-pekerja tersebut dan maklumat majikan yang menggajikan mereka. **Jadual 1 menunjukkan maklumat penempatan pekerja di luar negara untuk tahun 2014, 2015 dan 2016 (sehingga April 2016).**

Jadual 1: Maklumat Penempatan Pekerja Di Luar Negara Untuk Tahun 2014, 2015 dan 2016 (Sehingga April 2016).

Kumpulan Pekerja	2014	2015	2016 (hingga April)	Jumlah
Pentadbiran, Pengurusan	22	5	1	28
Profesional	52	573	161	786
Pekerja Perkeranian	0	9	0	9
Pekerja Perkhidmatan, Kedai Dan Jualan	378	581	136	1095

Kumpulan Pekerjaan	2014	2015	2016 (hingga April)	Jumlah
Pekerja Asas	81	231	114	426
JUMLAH	533	1399	412	2344

Sumber : Unit Agensi Pekerjaan Swasta, Jabatan Tenaga Kerja

5. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut tidak memberi gambaran sebenar rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara kerana ia tidak termasuk mereka yang pergi bekerja secara individu (menguruskan sendiri), dihantar oleh Agensi yang tidak berdaftar dengan JTK dan dibawa secara terus oleh majikan dari Malaysia yang menjalankan aktiviti di luar negara.

Tuan Yang Di Pertua,

6. Menurut *World Bank* dalam laporan *Malaysia Economic Monitor* pada April 2011 bertajuk *Brain Drain* telah menganggarkan keseluruhan jumlah warga Malaysia dan jumlah yang berkepakaran yang berada di luar negara pada tahun 2000 dan 2010, seperti Jadual 2:

Jadual 2: Anggaran Warga Malaysia Dan Jumlah Yang Berkepakaran Yang Berada Di Luar Negara Pada Tahun 2000 Dan 2010.

Tahun	2000	2010
Bilangan Diaspora	753,000	1,004,000
Bilangan berkepakaran	218,000	335,000

Sumber : Malaysia Economic Monitor, World Bank

7. *World Bank* mendefinisikan modal insan berkepakaran yang berada di luar negara sebagai individu yang lahir di Malaysia tetapi bekerja dan tinggal di luar negara serta mempunyai sekurang-kurangnya ijazah dan berumur lebih daripada 25 tahun. Menurut Laporan *World Bank* tersebut, walaupun bilangan warga Malaysia di luar negara dianggarkan seramai 1.004 juta, tetapi bilangan modal insan berkepakaran yang *migrate* keluar negara adalah kira-kira 335,000 orang pada tahun 2010.

Tuan Yang Di Pertua,

8. Singapura merupakan destinasi utama rakyat Malaysia di mana, seramai 500,000 pekerja Malaysia bekerja di Singapura. Dari jumlah tersebut, seramai 130,000 orang adalah terdiri dari golongan professional, manakala dan 370,000 lagi adalah pemegang permit kerja (*blue-collar skilled jobs*). Maklumat bilangan / jumlah sebenar pekerja Malaysia yang bekerja termasuk yang menetap di Singapura tidak pernah dilaporkan oleh *Ministry of Manpower*, Singapura (MOM).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19 MEI 2016
[KHAMIS]

DARIPADA : Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN
[SIK]

SOALAN :-

Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan secara terperinci apakah punca utama harga rumah tidak terkawal dan terlalu mahal serta bagaimanakah cara untuk membantu belia yang berpendapatan kurang dari RM2000.00 sebulan untuk memiliki rumah selain rumah PR1MA.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi harga rumah dalam pasaran seperti berikut:-

- (i) Kos tanah yang tinggi akibat peningkatan permintaan lebih-lebih lagi di kawasan bandar yang menjadi tumpuan migrasi;
- (ii) Peningkatan kos pembinaan yang meliputi kos buruh, bahan binaan dan caj penyambungan utiliti; dan
- (iii) Jenis teknologi pembinaan yang dipilih. Contohnya, penggunaan kaedah *Industrialised Building System (IBS)* yang dapat menjimatkan masa dan penggunaan tenaga buruh namun ianya mampu meningkatkan kos pengangkutan jika lokasi tapak binaan yang berjauhan.

Menyedari hal ini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan tempatan (KPKT) telah menyediakan pelbagai program / skim dan juga kemudahan kepada orang ramai khususnya golongan belia dalam pemilikan rumah. Contohnya, **Program Perumahan Rakyat (PPR)** yang diperkenalkan bagi membantu golongan berpendapatan isi rumah di bawah RM2,500 sebulan untuk memiliki rumah. Program ini menawarkan rumah yang berharga RM35,000 seunit di Semenanjung dan RM42,000 seunit di Sabah / Sarawak. Selain dari kemudahan pembelian rumah, program ini juga menyediakan kemudahan sewaan rumah PPR yang hanya dikenakan kadar sewaan sebanyak RM124 sebulan.

KPKT turut menyediakan **Skim Pinjaman Perumahan (SPP)** yang mana melalui program ini pemohon yang berkeelayakan akan dibantu dengan pemberian pinjaman

perumahan maksima RM45,000 bagi pembinaan rumah di atas tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga terdekat. Skim ini menasaskan golongan berpendapatan isi rumah di antara RM700 hingga RM2,500 sebulan.

Seterusnya, bagi membantu menyediakan tempat tinggal sementara kepada golongan belia yang baharu berkahwin pula, KPKT telah menyediakan program **Rumah Transit 1 Malaysia (RT1M)**. Melalui program ini, rumah disewakan dengan kadar RM250 sebulan selama 2 tahun kepada pasangan muda berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000 sebulan.

Di samping program / skim yang telah disebutkan tadi, terdapat juga agensi-agensi lain yang turut menyediakan kemudahan pemilikan rumah kepada golongan berpendapatan rendah seperti **Rumah Mesra Rakyat (RMR)** di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Bagi membantu golongan berpendapatan sederhana mendapatkan sumber pembiayaan, Kerajaan telah menyediakan skim-skim pembiayaan seperti **Skim Rumah Pertamaku (SRP)** oleh Cagamas Berhad dan **Skim Perumahan Belia (SPB)** di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016